

# Soalan Lazim (FAQ)

## Interpretasi Keperluan Audit Dalam Piawaian Pekebun Kecil Bebas (ISH) RSPO



### 1. Kepada siapa interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO terpakai?

Interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO terpakai kepada pekebun kecil bebas yang diperakui melalui Piawaian ISH RSPO 2019.

### 2. Bilakah interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO berkuat kuasa?

Interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO berkuat kuasa pada 2 November 2021 selepas penyiaran [pengumuman](#) dimuat naik ke laman web RSPO.

### 3. Berapa lama interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO akan kekal berkuat kuasa?

Interpretasi keperluan audit dalam Piawaian ISH RSPO akan kekal berkuat kuasa sehingga versi pindaan Piawaian ISH RSPO 2019 atau interpretasi baharu diluluskan oleh RSPO.

### 4. Apakah yang berlaku kepada ketidakpatuhan yang dibangkitkan sebelum ini pada ICS B1.1 MS B?

Ketidakpatuhan yang dibangkitkan sebelum tarikh berkuat kuasa (2 November 2021) mesti ditangani mengikut keperluan dalam Sistem Pensijilan RSPO untuk Prinsip dan Kriteria dan Piawaian ISH RSPO 2020.

### 5. Adakah interpretasi nasional atau tempatan (jika tersedia di negara atau wilayah tertentu) akan menggantikan interpretasi ini?

Ya. Interpretasi nasional akan menggantikan interpretasi ini dan berfungsi dengan cara standard yang terpakai kepada semua keperluan dalam Piawaian ISH RSPO yang disemak sebagai sebahagian daripada proses untuk membangunkan interpretasi nasional atau tempatan.

6. Interpretasi keperluan audit dalaman menekankan sekurang-kurangnya 33% daripada ahli-ahli kumpulan diaudit secara dalaman untuk pengawasan tahunan berturut-turut sijil. Apakah alasan di sebalik nilai minimum yang diberikan?

Nilai minimum yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada keperluan tertinggi daripada skim-skim lain sebagai penanda aras tertinggi.

7. Untuk pengiraan sekurang-kurangnya 33% daripada ahli-ahli kumpulan diaudit secara dalaman, adakah nombor perpuluhan dibundarkan ke atas atau ke bawah?

Nombor perpuluhan hendaklah dibundarkan ke atas.

8. Bagi ahli-ahli kumpulan ISH sedia ada (dengan keputusan berisiko rendah), terdapat kemungkinan ahli-ahli hanya mempunyai satu audit dalaman semasa pensijilan awal kerana saiz sampel hanya terdiri daripada 33% daripada ahli kumpulan. Adakah ini boleh diterima?

Tidak, ini tidak boleh diterima kerana sekurang-kurangnya 33% daripada ahli-ahli kumpulan yang telah diaudit secara dalaman hanya terpakai untuk pengawasan tahunan berturut-turut apabila 100% keperluan telah dicapai. Semasa pensijilan awal, kumpulan ISH dikehendaki mematuhi keperluan pertama dalam interpretasi di mana sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli akan melalui audit dalaman, seperti yang dinyatakan di bawah:

*"Penyediaan ini akan memperuntukkan selama dua tahun untuk mematuhi keperluan ICS B1.1 MS B. Sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli kumpulan ISH (baharu dan sedia ada) akan diaudit pada tahun pertama."*

9. Adakah tempoh tangguh akan dilaksanakan untuk penggunaan penilaian risiko yang standard bagi pengawasan tahunan berturut-turut sijil?

Tempoh tangguh selama enam (6) bulan akan dilaksanakan.

10. Dalam interpretasi audit dalaman dokumen Piawaian ISH, ada dinyatakan "untuk pengawasan tahunan berturut-turut sijil, pengurus kumpulan hendaklah menjalankan penilaian risiko". Apakah maksud pengawasan tahunan berturut-turut?

Pengawasan tahunan berturut-turut (iaitu ASA 2 atau ASA 3) merujuk kepada audit yang dijalankan apabila kumpulan ISH baharu atau sedia ada telah memenuhi 100% keperluan audit dalaman dalam tempoh dua tahun yang diperuntukkan untuk mematuhi keperluan ICS B1.1 MS B.



11. Dalam interpretasi audit dalaman dokumen Piawaian ISH, ada dinyatakan "untuk pengawasan tahunan berturut-turut sivil, pengurus kumpulan hendaklah menjalankan penilaian risiko". Bilakah penilaian risiko perlu dijalankan?

Penilaian risiko perlu dijalankan apabila 100% ahli-ahli kumpulan ISH telah melalui proses audit dalaman.

12. Bagaimanakah interpretasi audit dalaman terpakai kepada kumpulan ISH baharu yang telah diperakui mengikut Piawaian ISH RSPO 2019?

Pematuhan terhadap keperluan ICS B1.1 MS B hendaklah ditunjukkan dengan melengkapkan audit dalaman untuk semua ahli kumpulan menjelang audit pengawasan tahunan yang pertama (iaitu ASA 1). Keperluan ini memastikan bahawa tempoh 2 tahun telah diperuntukkan untuk 100% ahli kumpulan diaudit. Semasa pensijilan awal (keperluan *Milestone B*), sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli kumpulan ISH mesti dilakukan audit dalaman.

13. Bagaimanakah interpretasi audit dalaman terpakai kepada kumpulan ISH sedia ada yang telah diperakui mengikut Piawaian ISH RSPO 2019?

Pematuhan terhadap keperluan ICS B1.1 MS B hendaklah ditunjukkan dengan melengkapkan audit dalaman untuk semua ahli kumpulan menjelang audit pengawasan tahunan yang kedua. Keperluan ini memastikan bahawa tempoh 2 tahun telah diperuntukkan untuk 100% ahli kumpulan diaudit. Semasa pensijilan awal (keperluan *Milestone B*), sekurang-kurangnya 50% daripada ahli kumpulan ISH mesti dilakukan audit dalaman.

14. Apakah yang ditakrifkan sebagai audit pengawasan tahunan yang kedua?

Audit pengawasan tahunan yang kedua ditakrifkan sebagai penilaian ketiga yang dijalankan ke atas pengurus kumpulan (tidak termasuk audit khas, penambahan skop) dalam 5 tahun kitaran pensijilan.



15. Sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli kumpulan ISH (baharu dan sedia ada) hendaklah diaudit pada tahun pertama. Apakah maksud ini?

Audit dalaman untuk sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli kumpulan ISH (sama ada kumpulan sedia ada atau baharu) mesti dijalankan pada tahun pertama untuk menunjukkan pematuhan terhadap keperluan *Milestone B* dalam Piawaian ISH RSPO 2019.

**16. Jika kumpulan ISH sedia ada menjalankan audit pengawasan tahunan pada Ogos 2020 dengan mematuhi Piawaian ISH RSPO 2019, adakah interpretasi audit dalaman terpakai kepada kumpulan tersebut?**

Interpretasi tersebut berkuat kuasa selepas penyiaran [pengumuman](#) dimuat naik ke laman web RSPO pada 2 November 2021. Sebarang audit yang dijalankan sebelum pengumuman tersebut mesti mengikut keperluan yang telah ditetapkan dalam Piawaian ISH RSPO.

**17. Jika kumpulan ISH sedia ada menjalankan audit pengawasan tahunan pada Disember 2020 dengan mematuhi Piawaian ISH RSPO 2019, adakah interpretasi audit dalaman terpakai kepada kumpulan tersebut?**

Interpretasi tersebut berkuat kuasa selepas [pengumuman](#) dimuat naik ke laman web RSPO pada 2 November 2021. Sebarang audit yang dijalankan selepas pengumuman tersebut hendaklah mengikut keperluan yang ditetapkan dalam dokumen interpretasi audit dalaman. Oleh itu, kumpulan ISH yang sedia ada perlu memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahlinya telah melalui audit dalaman sebelum audit luaran untuk audit pengawasan tahunan 1 dijalankan.

**18. Jika kumpulan ISH sedia ada menjalankan audit pengawasan tahunan pada Ogos 2020 dengan mematuhi Keperluan dan Panduan Sistem Pengurusan RSPO untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB, adakah interpretasi audit dalaman terpakai kepada kumpulan tersebut?**

Interpretasi ini terpakai apabila kumpulan ISH meneruskan ke audit pengawasan tahunan seterusnya kerana kumpulan tersebut akan dikehendaki untuk beralih ke Piawaian ISH RSPO 2019.

Ketahui lebih lanjut di [rspo.org](https://rspo.org)